

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT]

TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN NO. 43

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapa jumlah daerah yang telah dinaik taraf capaian Internet di Sabah pada tahun ini.

SOALAN NO : 43**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, inisiatif JENDELA Fasa 1 adalah bermula September 2020 sehingga 2022. Perancangan dan pencapaian JENDELA setakat Ogos 2021 mengikut daerah di Sabah adalah seperti berikut:

Daerah	Tapak Menara Baharu		Naik Taraf Stesen Pemancar		Premis Tersedia Gentian Optik		Jalur Lebar Satelit
	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap	Perancangan
Beaufort	17	0	96	40	3,292	1,440	2
Beluran	47	0	153	40	551	826	8
Keningau	44	3	225	93	3,423	2,567	19
Kinabatangan	23	0	130	39	502	722	4
Kota Belud	8	1	127	90	710	199	4
Kota Kinabalu	21	13	391	357	14,615	13,675	7
Kota Marudu	38	1	64	24	1,388	1,136	4
Kuala Penyu	15	0	46	16	378	150	3
Kudat	22	2	103	48	2,545	2,458	8
Kunak	11	2	83	32	361	146	3
Lahad Datu	36	2	295	116	3,955	3,188	7
Nabawan	23	0	40	6	6	4	13
Papar	7	2	102	85	2,254	1,992	3
Penampang	8	3	154	135	10,394	8,747	4
Pitas	14	0	59	21	181	81	6
Putatan	3	3	113	103	4,805	4,547	-
Ranau	30	0	149	71	2,276	2,064	3
Sandakan	17	3	293	242	13,179	12,868	2
Semporna	16	3	93	67	3,205	2,681	2
Sipitang	9	0	81	23	543	594	1
Tambunan	16	0	57	19	503	531	7
Tawau	35	11	411	252	11,010	10,465	8
Tenom	19	0	65	20	1,667	1,300	1
Tongod	27	0	43	5	28	29	9
Tuaran	32	2	127	97	3,692	8,858	10
Dalam Proses Penetapan Lokasi					165,702		
Jumlah	538	51	3,500	2,041	251,165	81,268	138

Perkhidmatan jalur lebar menggunakan teknologi satelit kini dalam proses pelaksanaan dan dijangka akan siap secara berperingkat bermula November 2021 sehingga awal tahun 2022.

Manakala peratusan liputan 4G di kawasan berpenduduk di Sabah telah meningkat kepada 83.13% pada suku kedua 2021 berbanding 73.41% sebelum pelaksanaan JENDELA pada suku kedua 2020. Di Parlimen Beaufort pula, liputan 4G telah meningkat kepada 82.17% pada suku kedua 2021 berbanding 59.33% sebelum pelaksanaan JENDELA pada suku kedua 2020.

Pelaksanaan JENDELA akan terus digiatkan bagi memastikan impak pelaksanaannya dapat diterima dengan cepat oleh Rakyat. Ini termasuklah mengkaji semula secara berkala sasaran-sasaran awal yang telah ditetapkan sebelum ini seperti bilangan menara baharu yang akan dibina, stesen pemancar yang dinaiktaraf serta premis-premis yang mendapat akses gentian optik bagi memastikan keperluan Rakyat sentiasa diutamakan.

Menerusi portal *JENDELA Map* (<https://jendela.my>) yang telah dilancarkan pada Julai lepas, maklumat yang diperoleh daripada pengguna secara terus secara sumber khalayak atau *crowdsourcing*, dapat digunakan sebagai maklumat bagi membuat perancangan penambahbaikan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar dari semasa ke semasa. Oleh itu, para pengguna disaran melayari portal JENDELA Map (<https://jendela.my>) bagi melaporkan lokasi yang kurang mendapat liputan agar boleh dimasukkan ke dalam perancangan masa hadapan.

Kesemua inisiatif ini memerlukan kerjasama serta tindakan beberapa pihak berkepentingan lain terutamanya pihak Kerajaan Negeri. MCMC akan terus bekerjasama dengan kerajaan negeri Sabah dan agensi yang berkaitan dalam mengenalpasti keperluan dan menyelaraskan inisiatif jalur lebar di negeri Sabah.